

Brutus bukan ditunjukkan kepada mana-mana pihak

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak menunjukan kepada mana-mana pihak dalam UMNO sebagai Brutus apabila membangkitkan soal itu dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO pagi ini.

Presiden UMNO itu berkata, beliau cuma mengingatkan ahli-ahli parti supaya jangan menggunakan pepatah *It is not that I love Caesar less but that I love Rome more*.

Pepatah ini, kata Dr. Mahathir, telah digunakan oleh anak angkat Caesar untuk membunuh pemerintah Rom itu yang juga bapa angkatnya dan orang seperti ini tidak harus dijadikan contoh oleh mana-mana pihak pun.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung UMNO di sini petang ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Nazri Aziz yang menegaskan, dalam Pergerakan Pemuda tidak ada ahli bersifat seperti Brutus.

Dr. Mahathir ketika menyampaikan ucapan dasarnya di pembukaan perhimpunan agung parti pagi ini mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya jangan menjadi seperti Brutus yang menggunakan alasan untuk menyelamatkan Rome untuk membunuh Caesar, bapa angkatnya sendiri.

Perdana Menteri menyentuh

mengenai perkara itu dalam ucapannya ketika bercakap mengenai isu seorang pemimpin kerajaan Barisan Nasional (BN) yang didakwa kononnya terlibat dengan seorang wanita Islam.

Nazri pula ketika ditemui para wartawan selepas itu menegaskan bahawa Pemuda tidak mahu jadi Brutus.

“Siapa yang hendak menjadi Brutus?...dalam Pemuda tidak ada Brutus,” kata Nazri.

Dalam sidang akhbar di akhir hari pertama persidangan UMNO, Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau sebenarnya tidak bermaksud atau menunjukan cerita Brutus kepada mana-mana pihak mahupun kepada Pemuda UMNO.

Katanya, bukan kali ini sahaja pepatah Rome itu disebut di dalam UMNO kerana pernah satu ketika dulu, seorang perwakilan, yang kini menjadi menteri telah menyebut pepatah yang sama.

Mengenai isu Tan Sri Rahim Tamby Chik, kata Dr. Mahathir, beliau kecewa kerana dalam kalangan UMNO sendiri masih ada yang mengesyaki kononnya ada pakatan dalam kerajaan untuk tidak mengambil tindakan ke atas bekas Ketua Menteri Melaka itu.

Katanya, apa yang berlaku bukanlah soal pakatan atau tidak tetapi ia adalah soal undang-undang.

Udr. M.